



Khalid Abu Bakar (kiri) dan Zulkifli Zainal Abidin (dua dari kiri) melepaskan kenderaan peronda pada pelancaran Rondaan Bersama PDRM-ATM di bawah program Strategi Gelombang Biru Kebangsaan di Sungai Buloh, semalam.

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Polis Diraja Malaysia (PDRM) hari ini mengesahkan siasatan terhadap kes Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan pembelian

kondominium mewah di One Menerung, Bangsar yang dikaitkan dengan keluarga seorang menteri Kabinet setakat ini tidak menemui sebarang unsur pecah amanah atau penyelewengan. Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya juga sudah merakamkan percakapan lebih 74 individu termasuk suami dan anak kepada menteri Kabinet itu bagi membantu siasatan kes tersebut. Beliau memberitahu, pihak polis dari semasa ke semasa, menemui bukti atau maklumat terbaru berhubung isu tersebut dan akan terus menyiasat kes berkenaan. "Masih ada individu yang akan kita rakam percakapan mereka dan siasatan kes ini masih berjalan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Rondaan Bersama PDRM-Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah program Strategi Gelombang Biru Kebangsaan di Sungai Buloh di sini, hari ini.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Salleh Md. Rashid dan Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Robert Phang. Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penuhnya diikuti dakwaan pembangkang wujud penyelewengan peruntukan kerajaan berjumlah RM250 juta kepada NFC, yang mana suami Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail menjadi Penggerusi Eksekutifnya. Tambah Khalid, pihaknya akan memanggil Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil untuk dirakam percakapan sekiranya diperlukan bagi membantu polis dalam siasatan isu NFC itu. Beliau berkata, orang ramai diminta memberi ruang dan masa kepada polis menjalankan siasatan menyeluruh dan telus berhubung isu tersebut. "Jika ada keperluan untuk memanggil beliau (Shahrizat), kita akan panggil untuk membantu siasatan. Tapi buat masa ini, tiada keperluan untuk merakam percakapan beliau. "Ada macam-macam maklumat dan bukti baru yang kita terima dan siasatan kita akan berlandaskan kepada bahan-bahan bukti ini," katanya. Sementara itu, mengulas mengenai Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011 yang diluluskan Dewan Rakyat Selasa lalu, Khalid menjelaskan, PDRM menyambut baik perubahan itu yang bermatlamat membentarkan orang ramai berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Katanya, beliau merasakan akta baru itu merupakan satu anjakan paradigma yang besar kerana kuasa itu bukan diberikan kepada polis tetapi orang ramai bebas mengadakan perhimpunan dengan syarat ia bukan demonstrasi jalanan. "Bagaimanapun, kita sentiasa berjaga-jaga dan memantau setiap perkara itu bagi memastikan keadaan keselamatan dan keamanan terjamin," katanya.

**MOHD. Khalil Yaakob merasmikan Wisma Audit Negeri Melaka di MITC Melaka, semalam.**

MELAKA 5 Dis. – Jabatan Audit negeri kini mempunyai bangunannya sendiri yang beroperasi di bangunan Wisma Audit Negeri Melaka di Persiaran Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini. Jabatan itu yang kini mempunyai seramai 59 orang sebelum ini beroperasi sementara dengan berkongsi bangunan Persekutuan di Jalan Hang Tuah. Pembinaannya di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menelan belanja sebanyak RM12.3 juta di kawasan seluas 0.6 hektar dan mula diduduki kakitangan jabatan itu sejak Julai lalu. Majlis perasmian Wisma Audit Negeri Melaka hari ini disempurnakan Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob dan turut dihadiri Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang. Sementara itu, Ambrin dalam ucapan berkata, Jabatan Audit Melaka merupakan jabatan yang keempat memiliki bangunan sendiri dengan tujuan menyediakan kemudahan prasarana lebih selesa dan moden untuk kakitangan agensi tersebut. Ujarnya, kemudahan itu diharap menjadi lambang akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan. “Pada masa ini, Jabatan Audit Negara dengan tenaga kerja seramai 2,100 orang berperanan melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas dalam mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan perundangan demi meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan,” katanya. Katanya, penyediaan kemudahan itu selaras dengan beban kerja kakitangan Jabatan Audit Negara kini yang kian mencabar dan memerlukan suasana kerja yang lebih kondusif dalam memberi perkhidmatan lebih berkualiti.



Hutan juga memainkan peranan penting sebagai kawasan tадahan air yang utama dan juga membekalkan oksigen kepada kehidupan.

5 Disember 2011 (Isnin) - WALAUPUN hutan di Malaysia dinobatkan antara hutan hujan tertua di dunia yang berusia jutaan tahun, tidak ramai di kalangan masyarakat negara ini menyedarinya. Umumnya, Semenanjung Malaysia masih dilitupi 45 peratus hutan yang terbahagi kepada 10 peratus Taman Negara dan Taman Hidupan Liar. Manakala 16 peratus lagi hutan simpan, 18 peratus hutan perlindungan dan selebihnya, sebanyak 56 peratus adalah hutan pengusaha hasilan. Di Sabah pula 60 peratus kawasan masih dilitupi hutan dan Sarawak sebanyak 75 peratus (sumber :Malaysia Timber Council, 2002). Realitinya kawasan hutan di negara ini semakin mengecil saban tahun. Ia akibat himpitan pembangunan yang begitu drastik bagi memenuhi keperluan masyarakat. Sudah tentu pengecilan kawasan itu berpunca daripada kemusnahan hutan bagi tujuan komersial yang sudah tentu Tebih banyak membawa kerugian berbanding kebaikan. Malaysia sebenarnya mempunyai rekod pengurusan hutan untuk pengeluaran kayu yang baik sejak tahun 1901. Penghasilan secara saintifik diamalkan bagi menjamin pengeluaran, pemulihan dan pemuliharaan hutan yang teratur. Sistem tersebut secara asasnya memastikan dirian yang ditinggalkan (pokok yang tidak mencapai tahap untuk dituai) mencukupi untuk proses pembalakan seterusnya.

Kebiasaan dalam sehektar 32 pokok yang berukuran lilit 30 sentimeter selepas setiap kitaran pengeluaran. Namun begitu ia langkah tersebut bukan jaminan kawasan hutan di negara ini akan kekal. Kawasan yang telah diteroka itu pula tidak mungkin wujud seperti keadaan asal walaupun selepas 20 hingga 30 tahun. Untuk memulihkan semula kawasan hutan yang telah musnah memerlukan masa ratusan tahun. Di atas kesedaran itu kawasan hutan simpan telah diwartakan oleh kerajaan bagi memelihara khazanah yang tidak ternilai tersebut. Langkah itu disertai dengan penubuhan Jabatan Hutan Semenanjung Malaysia (JPSM) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), bagi menyelia proses pengusaha hasilan dan pemuliharaan hutan. Menurut pakar perhutanan tempatan, **Datuk Razani Ujang**, pemeliharaan hutan di Malaysia memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Ia bukan hanya diletakkan di atas bahu JPSM semata-mata. Malah katanya, sebagai sebuah jabatan kerajaan, kadang kala mereka juga memerlukan sokongan daripada masyarakat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memelihara khazanah negara itu. "Ramai yang beranggapan JPSM hanya berfungsi sebagai penuai balak semata-mata. Sebenarnya sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab menjaga hutan, fungsi JPSM adalah lebih daripada itu. "Kita turut melaksanakan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan simpan serta penguatkuasaan undang-undang," ujarnya yang pernah menyandang jawatan Ketua Pengarah JPSM Tambah beliau lagi, cabaran dalam isu perhutanan kini bukan lagi dalam proses pengeluaran hasil balak, tetapi usaha mengekalkan kepelbagaiannya biologi sumber hutan yang pelbagai (mega biodiversiti). Antara lain, katanya, usaha mengekalkan kawasan Hutan Simpan Kekal perlu dipertingkatkan agar kawasan tersebut kekal tidak terusik.

TAHUN 2011 akan terus diingati sebagai tahun yang penting bagi kehidupan dan hutan. inilah waktunya untuk memperingati bahawa kawasan hutan yang sedia ada perlu dijaga dan diurus dengan sempurna secara berkekalan. Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod mengakui mengapa hutan wajar terus dihargai. "Pada pandangan kami (FRIM) ini adalah merupakan satu tahun yang amat bersejarah dan diingati kerana peranan hutan yang terlalu penting bagi keseimbangan alam sekitar dan kesejahteraan bumi. "FRIM juga sentiasa mempromosikan kepentingan menjaga alam 'yang baik yang mana usaha ini telah mendapat sanjungan serta penghargaan dari semua lapisan masyarakat bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negara," ujarnya. FRIM merupakan antara agensi kerajaan yang berperanan dalam industri perhutanan dan pemuliharaan hutan di negara selain Jabatan Perhutanan. Beliau dalam wawancara menerusi e-mel berpendapat, rakyat Malaysia telah mulai sedar dan menghargai kepentingan menjaga alam sekitar yang baik dan sempurna. Contoh yang amat ketara ialah jumlah pengunjung yang datang ke FRIM untuk menikmati suasana alam sekitar yang nyaman bertambah setiap tahun. FRIM katanya, mempunyai tanggung jawab yang amat besar untuk menjaga dan mengurus warisan khazanah semula jadi ini dengan sempurna. "Secara umumnya, boleh dikatakan kesedaran menghargai khazanah negara (hutan) yang tidak ternilai ini bertambah baik setiap hari. " Namun demikian, usaha promosi berterusan bagi memberikan kesedaran mengenai kepentingan khazanah negara ini masih perlu dilakukan sehingga ia menjadi satu budaya yang tidak terpisah di hati semua warga Malaysia,"ujarnya. Beliau menjelaskan, secara umumnya kawasan hutan di negara ini dibahagikan kepada kawasan hutan perlindungan dan kawasan hutan pengeluaran. Bagi kawasan hutan perlindungan, ia terselamat daripada aktiviti manusia. Semua kegiatan pembalakan hanya tertumpu kepada kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan pengeluaran. Kawasan perlindungan dan kawasan pengeluaran ini kebanyakannya terletak di kawasan yang berbukit.

Kawasan pengeluaran diurus dengan menggunakan sistem tebangan memilih atau lebih dikenali dengan nama singkatnya SMS (*Selective Management System*). Di bawah sistem SMS, pusingan tebangan untuk sesuatu kawasan ialah 40 tahun dan buat pada masa ini kebanyakan kawasan di bawah sistem SMS telah memasuki pusingan kedua. Menurut Dr. Abdul Latif lagi, kajian yang dijalankan oleh FRIM mengenai status mutu hutan selepas tebangan pusingan pertama menunjukkan komposisi spesies kayu yang bermutu berkurangan sekiranya dibandingkan dengan kawasan sebelum ditebang. Kebanyakan komposisi hutan yang telah dibalak ditumbuhinya spesies yang kurang bermutu. Kedua-dua ini perlu dipulihkan dengan usaha-usaha penanaman dengan spesies kayu yang bermutu untuk menjamin pengeluaran yang berterusan. FRIM dengan kerjasama *Global Environment Facility* (GEF) dan Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) sedang menjalankan kajian untuk mewujudkan sistem perancangan yang teratur yang mana pengeluaran kayu balak dan pemeliharaan kepelbagaiannya kaji hayat dapat diuruskan dengan sempurna. Isu pemeliharaan kepelbagaiannya kaji hayat bukan sahaja tertumpu di kawasan hutan perlindungan tetapi perlu dilaksanakan di kawasan hutan pengeluaran. "Dengan lain perkataan pemeliharaan dan pengeluaran di kawasan hutan pengeluaran mesti *co-exist*." Di samping itu, FRIM juga telah berusaha untuk mewujudkan satu model pengurusan hutan secara intensif di kawasan hutan yang telah dibalak. Tujuan utamanya untuk menjamin pengeluaran spesies hutan yang bermutu di samping meningkatkan kadar pengeluaran kayu balak dari purata antara 70 dan 80 kaki padu sehektar kepada antara 200 dan 300 kaki padu se hektar," ujarnya. FRIM merasakan sudah sampai masanya semua isi kandungan kayu dan komposisi spesies kayu dinilai sebelum sesuatu kawasan hutan dibuka untuk tujuan pembalakan. Ini dapat dilakukan dengan menjalankan 100 peratus inventori ke atas dirian pokok yang terdapat di dalam kawasan hutan. Inventori ini mungkin ditumpukan kepada pokok yang berukuran 30 sentimeter (sm) pada paras perepang. Inventori tersebut membolehkan Jabatan Perhutanan dapat membuat perancangan yang lebih tepat, yang mana kerosakan terhadap alam sekitar hasil dari kerja-kerja pembalakan dapat dikurangkan. FRIM sedang berusaha membangunkan apa yang dikatakan Sistem Pengurusan Aset Hidup (*Life Asset Management System*) yang mana setiap pokok yang terdapat dalam kawasan hutan adalah merupakan aset yang perlu dijaga. Sistem berkenaan akan dibangunkan untuk semua tumbuhan pokok yang terdapat di kawasan FRIM seluas 485 hektar dan akan diperluaskan penggunaannya jika mendapat persetujuan dan pengesahan kementerian. Masalah utama yang dihadapi dalam menjalankan kerja pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hutan ialah jalan perhubungan yang sering terputus terutama pada waktu hujan.

Fakta yang perlu difahami semua ialah sekarang ini kedudukan kawasan berhutan amat jauh terpencil dan jalan perhubungan yang baik adalah amat penting. Buat masa ini, jalan perhubungan di kawasan hutan didapati terbiar setelah kerja-kerja pembalakan selesai dijalankan. Keadaan jalan hanya dijaga dengan baik oleh kontraktor pembalak semasa kerja-kerja pembalakan sedang berjalan. Antara cara yang sangat berkesan ialah dengan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat menghayati serta menikmati keindahan khazanah hutan semula jadi dengan kesempatan diberikan kepada mereka untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan alam semula jadi. "Saya percaya dengan Dasar Perhutanan Negara yang sedia ada dan diperkuatkan lagi dengan Akta Perhutanan Negara serta usaha-usaha penyelidikan yang relevan yang dijalankan oleh FRIM, kawasan hutan di negara ini akan terus kekal sebagai khazanah warisan yang sangat bernilai untuk diwarisi oleh generasi akan datang," kata Dr. Abdul Latif. Penganugerahan *Brand Laureate* yang diberikan kepada FRIM baru-baru ini adalah merupakan penghargaan kepada FRIM di dalam usaha konservasi dan penjagaan alam sekitar yang berterusan.



UDA tidak rugi kerana BBCC

KUALA LUMPUR 6 Dis. – Kerajaan memberi jaminan bahawa projek pembangunan Bukit Bintang City Centre (BBCC) tidak akan merugikan Uda Holdings Bhd. (UDA) walaupun tanpa pelaburan asing. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin mengakui bahawa projek pembangunan di tapak bekas Penjara Pudu itu bakal melibatkan syarikat-syarikat bumiputera tetapi hanya yang berkredibiliti dan memiliki kedudukan kewangan kukuh sahaja akan dipilih. "UDA tidak akan rugi kerana melaksanakan projek ini (BBCC) kerana buat apa laksanakan projek jika ia merugikan UDA, sedangkan ia berperanan besar untuk membantu bumiputera terutama dari segi pembangunan hartanah."Jika ia rugi, rugilah kaum bumiputera," katanya semasa sidang akhbar selepas merasmikan Hotel Ancasa Express @ Pudu dan Setem Persendirian Korporat 40 Tahun UDA di sini hari ini. Tambah beliau, UDA menjadi sandaran kerajaan untuk melihat lebih ramai bumiputera terlibat di dalam bidang hartanah dan beliau melihat pembangunan BBCC sebagai sangat penting kepada syarikat tersebut dan kaum bumiputera secara amnya. Dengan itu, Awang Adek dengan tegas berkata, kerajaan tidak mahu syarikat-syarikat bumiputera yang dipilih untuk menjayakan projek tersebut hanya bertindak sebagai sleeping partner. Kementerian Kewangan (MOF) sebelum ini pernah menolak cadangan UDA untuk melantik syarikat dari China, Everbright Construction International Group sebagai pelabur siap guna (turnkey) dalam BBCC. Ia kerana terdapat bantahan daripada beberapa pihak yang tidak mahu projek pembangunan di tapak bersejarah itu dijayakan oleh syarikat bukan bumiputera. Justeru, MOF telah mengarahkan UDA untuk mengadakan satu jawatankuasa untuk menyediakan pelan induk baharu BBCC bagi menggantikan pelan induk asal yang telah ditolak kerajaan.



Jangan persoal kemampuan aset pertahanan - Ahmad Zahid

LANGKAWI 9 Dis. - Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng perlu menceritakan perkara sebenar kepada rakyat mengenai keupayaan kapal selam negara selepas menempuh sendiri pengalaman menyelam dengan KD Tun Razak hari ini. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pembangkang boleh mempersoalkan mengenai harga atau penghantarnya, tetapi jangan mempersoalkan tentang kebolehan dan kesiapsiagaan aset-aset yang dimiliki oleh ketiga-tiga cabang tentera negara iaitu udara, laut dan darat. "Saya harap selepas ini beliau (Guan Eng) ceritalah yang benar supaya isu-isu keselamatan khususnya mengenai pertahanan negara ini jangan dipolitikkan. Kita mesti membezakan antara soal politik dan soal pertahanan negara. "Saya (bersikap) terbuka pada hari ini dan inilah dasar kerajaan. Kita harap ia tidak dimanipulasikan oleh parti-parti pembangkang," katanya. Beliau ditemui semasa menunggu ketibaan Guan Eng selepas mengikuti pelayaran bersama kapal selam kedua negara, KD Tun Razak di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini. Hari ini Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang dan dua Timbalannya, Prof. Dr. P. Ramasamy serta Datuk Dr. Mansor Othman dibawa belseyar dan menyelam lebih sejam dengan KD Tun Razak.



16.4 bilion unit pelaburan baru, pelaburan semula PNB

PULAU PINANG 12 Dis. - Permodalan Nasional Berhad (PNB) berjaya menarik 16.4 bilion unit pelaburan baru dan pelaburan semula dalam tempoh Januari hingga November lalu meskipun persekitaran ekonomi dan pasaran semakin mencabar. Ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Tan Sri Md. Desa Pachi berkata, jumlah berkenaan hampir menyamai pelaburan keseluruhan 16.8 bilion unit tahun lepas.

Jelasnya, dalam tempoh 10 tahun unit dalam edaran (UIC) dana telah berkembang sehingga 12 bilion pada 1990 dan terus melonjak kepada 36 bilion unit pada tahun 2000. "Setakat 30 November lalu kita telah mengurus lebih 135.22 bilion unit yang dilanggan oleh 10.67 juta pemegang unit bumiputera dan bukan bumiputera," katanya ketika berucap pada peringkat akhir Kuiz Pelaburan PNB 2011 Kategori Universiti di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini. Turut hadir Naib Canselor USM, Prof. Datuk Omar Osman; Timbalan Presiden Korporat dan Antarabangsa PNB, Datin Paduka Jamiah Abdul Hamid dan Timbalan Presiden Unit Amanah PNB, Datuk Idris Kechot. Dalam pertandingan berkenaan, pasukan Universiti Sunway yang diwakili Sonia Lim, Deric Yee dan Yap Wan Li muncul johan dan membawa pulang hadiah berjumlah RM8,000 iaitu wang tunai RM5,000 untuk universiti dan unit Amanah Saham Gemilang (ASG) Pendidikan bernilai RM1,000 untuk setiap orang. Deric, 22, yang merupakan penuntut Jurusan Akaun dan Kewangan, berkata, mereka tidak menyangka menjadi juara kerana menyertai kuiz itu hanya untuk mendapat pengalaman dan menguji tahap pengetahuan mereka. Kuiz itu berjaya menarik penyertaan 2,876 penuntut dari 33 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).



155,343 peminjam belum bayar balik PTPTN setakat Okt

KUALA LUMPUR 12 Dis. – Sehingga 31 Oktober lepas, masih ada 155,343 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) belum membuat bayaran balik pinjaman mereka yang berjumlah RM929.53 juta Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hou Kok Chung berkata, sehingga tempoh itu juga seramai 730,221 telah membuat bayaran balik pinjaman membabitkan jumlah RM2.8 bilion. "Bermula 1 Disember 2006 hingga 31 Oktober lepas pula, sebanyak 267,822 Notis Peringatan Terakhir (NPT) dan 189,813 Notis Tuntutan atau Letter of Demand (LOD) telah dikeluarkan. "Daripada jumlah NPT yang dikeluarkan, seramai 75,530 peminjam telah mula membayar balik pinjaman, begitu juga dengan 81,151 peminjam yang dikenakan tindakan LOD," katanya menjawab soalan Senator Ahmad Hussin, di Dewan Negara, di sini hari ini. Kok Chung berkata, bagi tempoh itu juga sebanyak 104,083 saman telah dihantar kepada peminjam ingkar, melibatkan jumlah RM1.12 bilion. "Sebanyak 69,667 saman telah mendapat perintah penghakiman bersih mahkamah," katanya. Beliau berkata, PTPTN juga telah meluluskan pengecualian bayaran balik kepada 10,849 peminjam yang mendapat ijazah kelas pertama membabitkan jumlah RM312.24 juta.



Parlimen - Peminjam PTPTN perlu bayar balik

KUALA LUMPUR 12 Dis. – Sehingga 31 Oktober lalu, seramai 885,564 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu membayar balik pembiayaan pendidikan masing-masing yang berjumlah RM5.3 bilion. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr. Hou Kok Chung berkata, jumlah itu termasuk 114,125 peminjam yang diluluskan penangguhan bayaran balik disebabkan menyambung pelajaran, masih belum bekerja dan dalam proses tawaran yang melibatkan amaun sebanyak RM967.18 juta. Jelasnya, daripada jumlah tersebut, seramai 730,221 peminjam telah membuat bayaran balik membabitkan RM2.8 bilion manakala peminjam yang masih belum membuat bayaran adalah seramai 155,343 orang atau RM929.53 juta. "Bermula 1 Disember 2006 hingga 31 Oktober lalu, sebanyak 267,822 Notis Peringatan Terakhir (NPT) dan 189,813 Notis Tuntutan telah dikeluarkan. Daripada jumlah NPT itu, seramai 75,530 peminjam telah mula membayar balik pinjaman pendidikan. "Bagi peminjam yang dikenakan Notis Tuntutan pula, seramai 81,151 peminjam telah mula membayar balik. Sebanyak 104,083 tindakan penguatkuasaan saman telah dihantar kepada peminjam ingkar melalui panel peguam yang dilantik melibatkan jumlah RM1.12 bilion," katanya di Dewan Negara, di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan asal Senator Ahmad Hussin yang ingin tahu bilangan peminjam PTPTN yang masih gagal membayar hutang, jumlah hutang dan bilangan mereka yang telah diambil tindakan undang-undang. Kata Kok Chung, sehingga 31 Oktober lalu, PTPTN telah meluluskan pemberian pengecualian bayaran balik kepada seramai 10,849 peminjam yang mendapat keputusan kelas pertama dengan peruntukan sebanyak RM312.24 juta. Mengenai sama ada kerajaan bercadang menghentikan pemberian pinjaman pelajaran, beliau berkata, pada masa ini, kerajaan tiada cadangan untuk berbuat demikian. Kepada soalan tambahan Senator Ng. Fook Heng berkenaan aduan susah menghubungi pejabat PTPTN untuk bayaran balik pinjaman, ujar beliau, ketika ini PTPTN menyediakan 70 talian telefon untuk menguruskan pertanyaan orang ramai dan jumlah itu akan ditambah kepada 200 menjelang akhir tahun ini. "Ia beroperasi Isnin hingga Jumaat sehingga ke pukul 10 malam. Sepanjang tempoh itu, sebanyak 3,000 hingga 4,000 panggilan diuruskan pegawai PTPTN bertugas. Pada Sabtu dan Ahad pula, seramai 10 pegawai ditugaskan di kaunter ibu pejabat PTPTN," katanya.



Dedikasi FRIM mengurus hutan - SPRM jelaskan isu NFC

PUTRAJAYA 16 Dis. — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menafikan dakwaan kononnya ia tidak mengambil sebarang tindakan berhubung isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC). "Suruhanjaya ingin menegaskan bahawa tindakan pengumpulan bukti dan keterangan telah bermula sejak isu berkenaan dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2010 yang menyatakan projek tersebut tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini. Kenyataan itu menjelaskan, semasa dalam proses pengumpulan bukti dan keterangan tersebut, SPRM telah menerima aduan daripada satu kumpulan badan bukan kerajaan (NGO) yang mendakwa berlaku penyalahgunaan wang pinjaman yang diperoleh oleh NFC bagi membeli kondominium mewah berharga RM9.8 juta yang dibeli di Lembah Klang. Namun setelah meneliti aduan itu, Jawatankuasa Menerima Maklumat SPRM mendapati ia tidak mengandungi unsur rasuah dan ia akan dirujuk kepada pihak polis. Menurut kenyataan itu, SPRM tetap mengambil tindakan terhadap maklumat atau aduan yang berkaitan rasuah sebaliknya aduan atau maklumat yang tidak berkaitan unsur rasuah akan dirujuk kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Pada 2009 sebanyak 313 kes dan pada 2010 sebanyak 210 kes yang diadukan kepada SPRM telah dirujuk kepada polis untuk tindakan lanjut, manakala polis pula telah merujuk 102 aduan pada 2009 dan 95 aduan pada 2010 kepada SPRM. — BERNAMA.



MMC sahkan cadangan ambil alih KTMB

KUALA LUMPUR 19 Dis. - MMC Corporation Bhd. (MMC) hari ini mengesahkan bahawa syarikat itu telah mengemukakan cadangan bagi mengambil alih Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc). MMC berkata, berdasarkan surat bertarikh 1 Disember 2011, ia telah menerima kelulusan bagi menjalankan kajian tertakluk kepada pemeteraian Perjanjian Bukan Pendedahan antara pihak-pihak terlibat. Syarikat itu membuat kenyataan demikian kepada Bursa Malaysia hari ini. MMC sebelum ini didakwa merancang mengambil alih operasi KTMB dengan cadangan untuk menyuntik dana sebanyak RM1 bilion. Sumber MMC didakwa mengesahkan cadangan pengambilan alih itu dan akan melaksanakan kajian kebolehlaksanaan untuk memastikan pelaburan itu mampu meraih pulangan sebanyak 10 peratus. MMC difahamkan berhasrat mengambil alih kesemua operasi KTMB termasuk perkhidmatan pelanggan dan fret. Bagaimanapun, infrastruktur KTMB kekal dengan kerajaan.



NFC: Najib jawab bila tiba masanya

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau akan membuat kenyataan berhubung kontroversi melibatkan syarikat Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) apabila tiba masanya. Malah kata Perdana Menteri, beliau juga akan menjawab mengenai isu peletakan jawatan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat pada masa yang sesuai. "Saya akan komen apabila sampai masanya," kata beliau pada sidang akhbar selepas melancarkan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 dan Mata Wang Siri Baharu di sini hari ini. Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kontroversi NFC yang turut dikaitkan dengan Shahrizat dan keluarganya yang mana Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail merupakan suami Shahrizat. Ketika ditanya adakah beliau ada menerima surat peletakan jawatan Shahrizat memandangkan terdapat beberapa pihak yang mendesak Shahrizat berbuat demikian, Najib berkata, beliau tidak menerima surat tersebut. Menjawab soalan mengapa hanya menteri berkaitan sahaja yang menjawab isu

berkaitan syarikat milik kerajaan (GLC), Najib berkata, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) juga bertanggungjawab dalam perkara tersebut. "Apa yang berlaku mungkin menteri selalu bertemu media, sebab itu sebarang isu berkaitan dengan GLC dijawab oleh menteri. "Tetapi jika kita lihat dalam ruangan perniagaan akhbar-akhbar misalnya, CEO juga ada membuat kenyataan," katanya.



SPRM siasat pejabat NFC dua jam



WAN Abdul Rahman Wan Mohd. Saleh (kanan) bersama pegawai-pegawai membawa dokumen penting keluar dari pejabat NFC berhubung skandal di Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 23 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini mengambil masa dua jam untuk menyiasat pejabat Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) di Jalan Solaris, Bukit Kiara di sini bagi membantu siasatan dakwaan penyelewengan isu dana membabitkan syarikat itu dan pembelian kondominium mewah di ibu negara. Lapan pegawai

SPRM, diketuai Penguasa Wan Abdul Rahman Wan Mohd. Salleh dilihat memasuki pejabat NFC itu sejak pukul 3 petang dan keluar kira-kira pukul 5 petang bagi mencari bahan yang boleh membantu siasatan. Sebaik sahaja keluar, mereka dilihat membawa bersama empat sampul surat mengandungi dokumen-dokumen berkaitan termasuk sebuah unit pemprosesan pusat (CPU). Sementara itu, Pengarah Siasatan SPMR, Datuk Mustafar Ali berkata, pemeriksaan yang dilakukan petang ini mendapat kerjasama baik daripada semua kakitangan NFC. "Tiada tangkapan dilakukan hari ini, hanya beberapa dokumen yang berkaitan disita bagi membantu siasatan berhubung isu NFC. "Masih terlalu awal juga untuk SPMR memaklumkan status siasatan. Saya minta semua pihak beri ruang kepada SPMR untuk menyiasat secara terperinci berhubung isu ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini. SPMR baru-baru ini memaklumkan, tindakan pengumpulan bukti dan keterangan telah bermula sejak isu berkenaan dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2010 yang menyatakan projek tersebut tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. SPMR telah menerima aduan daripada satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mendakwa berlaku penyalahgunaan wang pinjaman yang diperolehi oleh NFC bagi membeli kondominium mewah berharga RM9.8 juta yang dibeli di Lembah Klang.



Pengurusan NFC di panggil jika perlu

KUALA LUMPUR 23 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil beberapa pihak termasuk pengurusan kanan Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan ke atas syarikat itu. Pengarah Bahagian Siasatan SPMR, Datuk Mustafar Ali berkata, arahan itu juga akan melibatkan Pengerusi Eksekutif NFC, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail, jika perlu. Menurut Mustafar, dalam penyiasatan berhubung kes ini, beberapa keterangan dan dokumen telah diambil dan dikatakan mempunyai kaitan dengan dakwaan terhadap perbadanan itu. "Kami sedang meneliti lebih mendalam mengenai kaitan tersebut. SPMR akan melaksanakan siasatan dengan telus dan profesional dalam kes ini," katanya kepada pemberita selepas hadir ke majlis Pelancaran Kod Etika perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi membanteras rasuah, di sini hari ini. Semalam, polis menahan reman seorang lelaki bergelar Datuk selepas dipercayai cuba menyogok beberapa pegawai kanan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Lelaki berusia 45 tahun itu ditahan ketika hadir di Ibu Pejabat JSJK di Bukit Perdana di sini.

KUALA LUMPUR 24 Dis. - National Feedlot Corporation Sdn. Bhd., (NFC) menjelaskan bahawa kedatangan pegawai dan anggota penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke pejabatnya semalam bukanlah satu serbuan seperti yang dilaporkan beberapa akhbar hari ini. Sebaliknya, kata NFC, pegawai SPM datang untuk memeriksa pejabat itu sebagai sebahagian daripada prosedur siasatan yang sedang dijalankan. "Pihak pengurusan dan kakitangan NFC mengalu-alukan kedatangan pegawai SPM dan telah memberi kerjasama yang sepenuhnya," kata jurucakap perbadanan itu ketika dihubungi hari ini. Beberapa akhbar hari ini melaporkan SPM menyerbu pejabat NFC semalam dipercayai bagi membantu siasatan kes berkaitan syarikat tersebut. Menurut jurucakap itu, NFC berpendapat bahawa kunjungan SPM petang semalam bukanlah satu serbuan seperti yang dilaporkan beberapa akhbar. Beliau juga berkata, adalah tidak wajar untuk memberi komen lanjut kerana siasatan sedang dijalankan. Sementara itu, Pengerusi NFC, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail menjelaskan bahawa seorang 'datuk' yang ditahan polis baru-baru ini, tidak ada kena mengena dengannya atau keluarga serta bukan kakitangan perbadanan tersebut.

Selangor semakin kotor dengan sampahOleh Siti Aishah Yusoff kota@utusan.com.my

Antara puncanya sampah bertaburan dan tidak terurus disebabkan sikap seorang pengemis menyelongkar lambakan sampah di Petaling Jaya, semalam.

PETALING JAYA 26 Dis. - Semenjak kerajaan negeri Selangor menamatkan perkhidmatan Alam Flora, keadaan di negeri itu dilihat semakin kotor berikutan kegagalan kontraktor yang dilantik melaksanakan tugas dengan berkesan. Beberapa orang penghuni pangaspuri Desa Mentari, Seksyen 6 di sini mengakui longgokan sampah di setiap blok kawasan itu dipungut oleh pihak bertanggungjawab. Kata mereka, kawasan perumahan itu kini tidak ubah seperti kawasan pelupusan sampah kerana selain timbunan sampah yang banyak, beberapa individu yang menyelongkar tong sampah di situ juga boleh dilihat saban hari. Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, setiap rumah sampah di blok pangaspuri itu dipenuhi dengan sampah-sarap dan sampah itu turut bertaburan di atas jalan kerana tong sudah penuh. Suri rumah, **Shamsiah Karim, 53**, berkata, keliatan individu yang menyelongkar tong sampah itu boleh dilihat hampir setiap waktu termasuk waktu malam. "Mereka mencari barang yang boleh dijual semula seperti botol, besi dan tin tetapi tindakan mereka itu menyebabkan sampah bertaburan di atas jalan.

"Mereka tidak pentingkan kebersihan dan tidak menghiraukan keselesaan penduduk, sebaliknya tumpuan utama ialah mencari barang yang boleh mendatangkan duit," katanya. Seorang peniaga, **Nuriah Che Ahmad, 42**, berkata, memang ada kontraktor yang mengutip sampah di kawasan itu tetapi mereka 'buat kerja seperti tidak ikhlas'. "Sampah yang di dalam tong sahaja dikutip manakala yang bertaburan dibiarkan begitu sahaja. Keadaan ini menyebabkan kawasan ini sentiasa nampak kotor dan tidak terurus," katanya. Sementara itu, seorang penduduk dari Semenyih yang menghubungi *Utusan Malaysia* berkata, sampah di kawasan rumahnya sudah lebih seminggu tidak dikutip. Dia yang mahu dikenali sebagai **Suhaimi** berkata, kawasan rumahnya kini berbau busuk berikutan terdapat sisa makanan bertaburan di sekitar rumah sampah rumah. "Sepatutnya sampah dikutip tiga kali seminggu, bayangkan sekarang sudah seminggu tidak dikutip," katanya yang mendakwa keadaan itu tidak berlaku semasa era Alam Flora dahulu.



Isu sampah: MBPJ akui ada kelemahan

PETALING JAYA 26 Dis. – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengakui masih ada kelemahan dalam soal pengurusan sampah di kawasan pentadbirannya sejak mengambil alih urusan itu daripada Alam Flora Sdn. Bhd. sejak pertengahan Oktober lalu. Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Roslan Sakiman berkata, sehingga awal bulan ini, aduan yang diterima berhubung sampah bukan sahaja tertinggi iaitu 320 aduan tetapi juga masih banyak belum berjaya diselesaikan. Namun, beliau tidak menganggap perkara itu sebagai satu perkara yang melemahkan semangat pihak berkuasa tempatan itu untuk terus memastikan tahap kebersihan di kawasan pentadbirannya dipertingkatkan. Menurutnya, kekurangan tenaga buruh adalah antara punca masalah berkaitan sampah gagal diselesaikan dengan berkesan. "Walaupun menyedari kekurangan tersebut, kita sentiasa memandang ke hadapan dan cuba memperbaiki setiap kelemahan melalui gerak kerja yang lebih agresif," katanya ketika ditemui di sini, hari ini. Roslan berkata, bagi tahun depan, seramai 38 pengawas pemantau dilantik sebagai tambahan kepada 30 pengawas sedia ada bagi kerja-kerja pemantauan isu sampah mengikut zon terutama lokasi yang dikenal pasti sebagai kritikal. Katanya, selain usaha MBPJ, kerjasama penduduk dan pemimpin setempat termasuk melaporkan kewujudan sampah di kawasan masing-masing boleh membantu menjadikan Petaling Jaya sentiasa bersih.



SPRM siasat rasuah, seleweng kontrak Iskandar?

Oleh WAN NOOR HAYATI WAN ALIAS pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Sebuah syarikat pemaju yang terlibat dalam projek mega membangunkan Iskandar Malaysia, Johor sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung wujudnya unsur rasuah dalam projek yang bernilai bilion ringgit itu. Siasatan terhadap syarikat itu dibuat kerana dipercayai berlaku unsur penyelewengan dalam perolehan kontrak dan beberapa projek yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat berkenaan. Utusan Malaysia difahamkan penyelewengan tersebut turut melibatkan orang tengah yang bertanggungjawab mendapatkan beberapa projek untuk syarikat itu. Syarikat yang disiasat itu bertanggungjawab membangunkan pelbagai projek besar dalam Iskandar Malaysia antaranya pembinaan infrastruktur, pusat pendidikan, kawasan perumahan, jalan, lebuhraya serta pusat riadah yang bernilai ratusan bilion ringgit. Antara projek itu adalah pakej 3B iaitu membina dan menyiapkan persimpangan Jalan Abu Bakar bernilai RM124 juta, pembangunan Sekolah Berasrama Penuh di Sebahagian Lot PTD Mukim Pulai bernilai RM40.8 juta serta jalan alternatif Kampung Sungai Pendak Laut bernilai RM2.7 juta. Difahamkan, SPMR sudah menyiasat beberapa projek yang disyaki berlaku penyelewengan dan rasuah itu sejak tahun lalu. SPMR juga dikatakan telah membuat serbuan ke atas ibu pejabat syarikat tersebut serta beberapa syarikat di sekitar Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Utusan Malaysia difahamkan, kajian ke atas dokumen-dokumen yang berkaitan kes itu telah dijalankan serta beberapa saksi dipercayai telah dipanggil untuk membantu siasatan. Malah, seorang lelaki berusia lingkungan 50-an yang merupakan orang tengah projek mega berkenaan akan didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor pagi esok. Sementara itu, Pengarah Siasatan dan Operasi Khas SPMR, Datuk Mohd. Jamidan Abdullah ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini mengesahkan pihaknya sedang menyiasat syarikat tersebut, namun beliau enggan mengulas lanjut. Iskandar Malaysia yang fasa pembangunannya sehingga tahun 2025 akan menjadi sebuah pusat pertumbuhan terbesar rantau ini dengan keluasannya dua setengah kali ganda Singapura.



Menteri tak tahu siapa dapat kontrak projek EDTP Gemas-JB

KUALA LUMPUR 27 Dis. - Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, beliau tidak tahu menahu tentang sebarang kontrak bernilai berbilion ringgit diberikan kepada sebuah syarikat dari China bagi pembinaan projek landasan berkembar elektrik (EDTP) Gemas-Johor Bahru. Kementerian Pengangkutan benar-benar tidak mengetahuinya kerana pemberian kontrak dibuat di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, katanya kepada Bernama semasa dihubungi hari ini. Cho Ha yang ketika ini sedang bercuti berkata, kementeriannya masih dalam proses mereka bentuk EDTP Gemas-Johor Bahru. "Apa yang boleh saya sahkan ialah kami sedang dalam proses mereka bentuk. Kami tidak melakukan apa-apa selain menyediakan reka bentuk," katanya. Beliau berkata demikian sebagai memberikan reaksinya kepada laporan dalam portal berita bahawa syarikat dari China, Chinese Road and Bridge Corporation (CRBC), bersama dengan rakan kongsi tempatan Gamuda Bhd., diberikan kontrak berbilion ringgit untuk membina projek landasan Gemas-Johor Bahru sejauh 197km. - BERNAMA



Ahli perniagaan bergelar Datuk didakwa tipu NFC

Oleh SITI NOORALINA AHMAD

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Seorang ahli perniagaan bergelar "Datuk" mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua tuduhan menipu pengarah syarikat Nasional Feedlot Corporations (NFC), Datuk Dr. Mohd. Salleh Ismail berhubung perkhidmatan rundingan dan nasihat membabitkan RM1.755 juta, November lalu. Datuk Shamsuharin Ismail memohon dibicarakan sebaik sahaja pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Zamzani Mohd. Zain. Tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin RM300,000 serta seorang penjamin dan diperintahkan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.